

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HKT 405 - Teori dan Kaedah dalam Kesusasteraan Bandingan

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Satu perubahan dikatakan telah berlaku kepada disiplin Kesusasteraan Bandingan mulai pertengahan dekad 60-an. Bincangkan perubahan ini secara terperinci dengan memberi pendapat anda yang kritis tentang arah yang sedang dituju oleh disiplin ini sekarang.
2. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan bahawa genre wujud atau hidup seperti sebuah institusi? Berikan jawapan anda dengan merujuk kepada:
 - (a) Genre hikayat dalam kesusasteraan Melayu.
 - (b) Perkembangan genre tertentu di dalam kesusasteraan Amerika masa kini.
3. Pada pendapat anda kenapakah kajian genetik dianggap kajian bandingan yang bersifat kualitatif? Kemudian, dengan berdasarkan contoh-contoh yang tepat jelaskan pula fenomena-fenomena berikut dalam kajian genetik:
 - (a) Pengaruh,
 - (b) Tiruan,
 - (c) Ciplakan.

4. Bincangkan secara kritis kelebihan dan kekurangan kajian arkitaipal dalam Kesusasteraan Bandingan. Perbincangan anda perlu dikukuhkan dengan contoh-contoh karya antarabangsa yang mempunyai imej-imej arkitaipal yang sama.
5. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang tepat bincangkan perbezaan antara fenomena pergerakan dan fenomena angkatan dalam sejarah perkembangan kesusasteraan di Barat ataupun di Timur.

Pada pendapat anda apakah manfaat yang diperolehi dari kajian bandingan yang memberi perhatian kepada fenomena-fenomena tersebut?

6. Jelaskan perhubungan yang terdapat antara kesusasteraan dengan seni halus. Penjelasan anda hendaklah meliputi semua aspek yang berkenaan dan mestilah disertakan dengan contoh-contoh yang bersesuaian.

Pada pandangan anda apakah manfaat yang dapat diperolehi dari kajian perhubungan antara dua bentuk kesenian ini?

- ⑦ Bincangkan secara kritis Dekonstruksi yang dipelopori oleh Derrida sebagai satu projek yang bertujuan untuk meruntuhkan logosentrisme.

Plata →

8. Apakah yang anda faham tentang hermeneutiks kerohanian (spiritual hermeneutics) yang dianjurkan oleh Corbin dan Nasr? Berikan jawapan anda dengan mengaitkan hermeneutiks tersebut dengan karya-karya besar yang disuburkan oleh falsafah abadi (perennial philosophy).

-oooOOOooo-